LIGA IPT

UniSZA selangkah dinobat juara

» *UiTM Perlis anggap misi pertahanan gelaran Divisyen 1 sudah berakhir*

Kuala Lumpur

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan membuat perhitungan dengan UiTM Perlis untuk menentukan juara Divisyen Satu bola sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi di Arau, Sabtu ini.

Walaupun masing-masing berbaki dua perlawanan tetapi dengan kelebihan enam mata, menyaksikan UniSZA hanya memerlukan seri untuk dinobat juara baharu dalam kemunculan kali pertama dalam Divisyen Satu.

UiTM Perlis yang dilatih bekas pemain Piala Malaysia Kedah dan Perlis, Manja Man adalah juara 2013 dan 2014.

"Kami tidak mahu tunggu hingga ke perlawanan terakhir untuk menentukan gelaran," kata penolong pengurus UniSZA, Fazialah Mamat.

"Tapi bukan mudah apabila bertemu pasukan juara bertahan, tambah lagi di tempat mereka sendiri.

Ucap tahniah

"Kami juga berdepan masalah penggantungan pemain selain kurang latihan kerana pemain terbabit dalam peperiksaan. Bagaimanapun kami akan cuba menamatkan misi di Arau nanti," katanya.

Bagi Manja, walaupun secara matematik pasukannya masih berpeluang jika menang dua aksi terakhir sambil mengharap UniSZA tewas termasuk aksi Sabtu ini, namun dia menganggap misi sudah berakhir.

"Saya nak ucap tahniah kepada UniSZA. Juga tahniah kepada UiTM Shah Alam berjaya bangkit semula. Perkara paling saya tidak suka ialah mengharap kekalahan orang lain untuk menjadi juara. Secara teknikal, UniSZA sudah pun menjadi juara," kata Manja.

Jadual Sabtu

Divisyen 1

UiTM Perlis mln **UniSZA**
(Std UiTM Perlis, 4.45 ptg)

MMU mln KK Pahang
(Std Cyberjaya, 4.45 ptg)

Keputusan

KK Pahang	0	2	UiTM Perlis
UiTM Shah Alam	4	1	MMU

Kedudukan DIV 1

	P	M	S	K	J	B	Mt
UniSZA	8	7	1	0	24	4	22
UiTM Perlis	8	5	1	2	21	6	16
UiTM SA	8	4	3	1	17	8	15
KK Pahang	8	2	1	5	8	20	7
MMU	8	2	0	6	9	19	6
KK Kedah	8	1	0	7	5	25	3
PKB	0	0	0	0	0	0	0